**Publication: Berita Harian, pg 08**
**Date: 29 July 2020**
**Headline: Challenges faced by graduate in the job market**

# Cabaran siswazah masuki alam pekerjaan

*Mengorak langkah memasuki alam pekerjaan memang sesuatu yang menggerunkan, terutama sekali dengan ekonomi yang terjejas teruk oleh pandemik Covid-19. Namun, ini tidak melemahkan semangat siswazah baru Universiti Pengurusan Singapura (SMU) yang percaya daya tahan dan kesungguhan mereka dapat membantu dalam 'mencari pelangi setelah hujan'.*

## Laluan ke varsiti penuh cabaran...kini akauntan di KPMG

**SHAHIDA SARHID**
sshahida@sph.com.sg

HASRAT untuk mengenggam segulung ijazah memang sesuatu yang telah lama disimpan oleh Cik Armeera Abdul Wahab.

Namun selepas menamatkan pengajiannya di Politeknik Ngee Ann dulu dalam jurusan perakaunan, anak muda 25 tahun ini terpaksa menolak tawaran melanjutkan pengajian ke universiti meski meraih gred yang cemerlang di politeknik.

Beliau terpaksa bekerja kerana keluarganya tidak dapat menampung kos pembelajarannya di universiti.

Peluang untuk melangkah ke universiti juga menurut ibu bapanya, perlu dikhususkan untuk adik lelaki bongsunya, yang juga merupakan satu-satunya anak lelaki dalam beliau empat beradik.

"Walaupun sedih, saya hanya menganggapnya sebagai tiada rezeki untuk saya ke universiti," singkapnya.

Bapanya seorang pegawai keselamatan manakala ibunya yang dahulu bekerja sebagai pekerja kilang, kini telah bersara.

Namun sepanjang setahun itu, beliau bekerja sebagai akauntan di sebuah syarikat pelancongan dan daripada situ majikannya telah membantu menghubungkannya dengan Mendaki.

Dengan subsidi yang diberikan, Cik Armeera membulatkan tekad untuk menyambung pengajiannya di menara gading.

"Saya mendapatkan restu ibu bapa saya untuk meneruskan pengajian di universiti. Saya berjanji kepada diri saya akan belajar bersungguh-sungguh dan tidak akan menghampakan mereka," katanya.

Di Universiti Pengurusan Singapura (SMU), juga dalam jurusan akauntan, Cik Armeera memberi tuisyen kepada dua pelajar demi menampung perbelanjaannya.

Beliau juga aktif dalam Persatuan Muslim universiti itu dan merupakan Presidennya.

Meski sibuk dengan komitmen dalam persatuan itu, Cik Armeera tetap memastikan pelajarannya tidak ketinggalan.

"Memang agak sukar juga kerana selain perlu mengimbangi masa untuk kegiatan ko-kurikular dan pelajaran, saya juga menghadapi cabaran untuk memastikan pelajaran saya diutamakan.

"Tidak seperti pelajar lain yang melanjutkan pelajaran ke universiti selepas politeknik atau maktab rendah, saya sebaliknya ada jurang di mana saya bekerja selama setahun," ujarnya.

Walaupun demikian, kecekapan dan kebolehannya dalam jurusan yang dipelajarinya cukup menyerlah sehingga profesornya menyarankan agar beliau menjalani proses belajar sambil bekerja atau *internship* di firma perakaunan terbesar, KPMG.

Siapa sangka proses *internship* selama tiga bulan dari Disember 2018 hingga Februari 2019 rupa-rupannya menjadi satu peluang besar bagi beliau.

Pada Julai tahun lalu, beliau ditawarkan kerja di firma tersebut, sebelum beliau tamat pengajian.

Sedang mahasiswa lain hanya akan menamatkan pengajian sekitar Mac 2020, Cik Armeera telahpun mula bekerja di firma itu pada awal Januari tahun ini sebagai pegawai bersekutu dalam jabatan Audit Dalaman dan Khidmat Pematuhan Risiko.

"Saya cuba habiskan modul untuk kursus saya seberapa cepat yang mungkin agar saya dapat mula bekerja.

"Saya sendiri tidak sangka menerima tawaran bekerja tersebut. Ini mungkin satu hikmah di sebalik apa yang berlaku," katanya sambil tersenyum.

Pada 24 Julai lalu, beliau dapat berbangga kerana akhirnya hasrat yang telah terpendam selama ini akhirnya menjadi satu kenyataan.

Cik Armeera berjaya meraih ijazah Sarjana Muda dalam Perakaunan (Merit Tinggi) dalam satu majlis penyampaian ijazah secara dalam talian.

"Masa untuk setiap orang berbeza, justeru kita perlu memanfaatkan sepenuhnya keadaan di sekeliling kita dengan sebaik mungkin.

"Usah membandingkan diri kita dengan orang lain. Rezeki setiap orang itu berbeza-beza, lantaran itu penting untuk kita terus melakukan yang terbaik dalam setiap apa yang kita lakukan," katanya positif.

> "Usah membandingkan diri kita dengan orang lain. Rezeki setiap orang itu berbeza-beza, lantaran itu penting untuk kita terus melakukan yang terbaik dalam setiap apa yang kita lakukan.
>
> **– Cik Armeera Abdul Wahab**



**BERFIKIRAN POSITIF:** Cik Armeera Abdul Wahab tidak pernah mengeluh akan nasib yang menimpa sebaliknya sentiasa berfikiran positif untuk mencapai hasratnya menggenggam segulung ijazah. – Foto ihsan ARMEERA ABDUL WAHAB

## Sokongan kerja yang ada

PEMERINTAH telah melancarkan beberapa program bantuan, dari segi latihan dan bagi mendapatkan kerja untuk semua pekerja, daripada lulusan baru kepada pekerja di pertengahan kerjaya.

### BAGI LULUSAN BARU

**Latihan Berbayar SG United**

Jawatan berbayar di universiti, institut pengajian di bawah Agensi Sains Teknologi dan Kajian (A*Star) serta 'start-up'.

Tempoh latihan sambil kerja ini boleh dilanjutkan sehingga 12 bulan, dengan elaun bulanan diberikan kepada peserta, bergantung pada bidang kerja.

Sehingga 21,000 tempat disediakan bagi lulusan Institut Pendidikan Teknikal (ITE), politeknik dan universiti.

**Modul Latihan dan Pendidikan Berterusan Percuma (CET) yang ditawarkan enam universiti autonomi**

Sebanyak 1,700 modul CET yang merentas bidang disediakan daripada analitik data, kewangan kepada perhubungan.

Sebanyak 70 peratus yuran kursus dibiayai SkillsFuture, bakinya ditanggung universiti.

### BAGI PEKERJA DI AWAL ATAU PERTENGAHAN KERJAYA

**Program Kemahiran SG United**

Program latihan penuh dari enam hingga 12 bulan yang dikendalikan Pusat CET dan institut pendidikan tinggi.

Kursus direka dengan kerjasama industri, supaya terus relevan di tempat kerja.

Peserta berpeluang menjalani tempoh kenal suai di tempat kerja dan bagi melaksanakan projek, yang membenarkan mereka mengamalkan kemahiran yang diperoleh.

Peserta boleh menerima elaun bulanan $1,200 sepanjang program itu.

**Program Penukaran Profesional**

Program ini disasarkan kepada golongan karyawan, pengurus, eksekutif dan teknisyen, termasuk yang ingin berubah kerjaya.

Mereka boleh menjalani penukaran kemahiran dan beralih ke pekerjaan dalam sektor yang menawarkan prospek pertumbuhan lebih baik.

Ini dilakukan menerusi dua kaedah – mendapatkan kerja baharu sebelum menjalani latihan bagi peranan baharu itu dan menjalani latihan dan program kenal suai kerja di syarikat yang belum bersedia mengambil pekerja baharu.

**Program laluan pertengahan kerjaya SGUnited**

Sebanyak 14,500 tempat latihan disediakan untuk melengkapkan peserta dengan pengalaman bekerja yang relevan sebelum mendapat kerja.

Elaun bulanan $3,000 diberikan, 80 peratus dibayar oleh pemerintah. Lagi 20 peratus ditanggung pertubuhan yang terlibat.

Keterangan lanjut mengenai program dan acara yang dianjurkan bagi Bulan SkillsFuture 2-2- boleh diperolehi di www.skillsfuture.sg/ dan www.myskillsfuture.sg/skillsfuturemonth/